

1. Hampir semua _____ di negara ini menjadikan berita tentang penculikan anak _____ van tersohor itu sebagai tajuk berita muka depan.

- ☐ A surat layang
- ☐ B surat khabar
- ☐ C kad jemputan
- ☐ D majalah hiburan

2. Ayah berjanji akan menghadiahkan sebuah _____ kepada adik jika dia berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun nanti.

- ☐ A jam tangan
- ☐ B gelang kaki
- ☐ C rantai emas
- ☐ D komputer riba

3. Emak membentangkan segulung _____ di ruang tamu untuk tetamunya duduk.

- ☐ A kad ucapan
- ☐ B kertas warna
- ☐ C pembalut plastik
- ☐ D tikar mengkuang

4. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pihak polis masih menjalankan _____ terhadap beberapa orang saksi sebelum melakukan penangkapan.

- ☐ A uji kaji
- ☐ B temu bual
- ☐ C kaji selidik
- ☐ D soal siasat

5. Azura dan Nita _____ dari pagi hingga petang hanya kerana perkara yang kecil itu.

- ☐ A mengambil berat
- ☐ B bertegang leher
- ☐ C membawa hati
- ☐ D beralih angin

6. Doktor Fuad _____ untuk memberitahu Encik Azmin tentang penyakit yang dihidapi oleh anaknya itu tetapi dia harus berterus terang.

- ☐ A ada hati
- ☐ B berat hati
- ☐ C lemah hati
- ☐ D angkat kaki

7. "Berceritalah kepada orang yang kamu percayai agar kamu tidak mengalami _____ esan Cikgu Bakri kepada Misran.



- ☐ A tuntutan balas
- ☐ B tekanan udara
- ☐ C desakan hidup
- ☐ D tekanan perasaan

8. Peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya menyumbang kepada kesesakan _____ terutamanya di sekitar Kuala Lumpur.

- ☐ A lalu lintas
- ☐ B lebuh raya
- ☐ C lampu trafik
- ☐ D lintas langsung

9. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Erman cekap bermain _____ itu kerana dia sudah berlatih selama bertahun-tahun.

- ☐ A kasut roda
- ☐ B roda pandu
- ☐ C papan selaju
- ☐ D papan kekunci

10. Lukman berasa gembira kerana segala _____nya untuk menjadi usahawan akhirnya tercapai.

- ☐ A suka ria
- ☐ B jerih perih
- ☐ C pahit manis
- ☐ D tawa gembira

11. Pelukis pelan itu mempunyai _____ yang tinggi untuk menghasilkan rekaan yang unik dan sesuai dengan peredaran semasa.

- ☐ A daya fikir
- ☐ B atur cara
- ☐ C reka cipta
- ☐ D reka bentuk

12. Suasana yang bising di dalam kelas itu sebentar tadi menjadi _____ apabila guru _____ masuk memasuki kelas tersebut.



- ☐ A letih lesu
- ☐ B sunyi sepi
- ☐ C lemah longlai
- ☐ D resah gelisah

13. Perdana Menteri mengulas laporan _____ Jabatan Alam Sekitar tentang tahap pencemaran sungai yang begitu membimbangkan.

- ☐ A hasil kajian
- ☐ B hasil keringat
- ☐ C hasil tindakan
- ☐ D hasil penemuan

14. Pasu bunga di sudut _____ rumah Puan Mariani itu dihadiahkan oleh rakannya dari Sarawak.

- ☐ A ruang tamu
- ☐ B ruang legar
- ☐ C ruang niaga
- ☐ D ruang angkasa

15. Paramedik itu bergegas ke padang untuk memberikan bantuan kecemasan kepada seorang pemain _____ yang pengsan ketika bermain.

- ☐ A bola jaring
- ☐ B bola sepak
- ☐ C bola tampar
- ☐ D bola keranjang

16. Ibu bapa harus menjadi _____ kepada anak-anak supaya anak-anak mencontohi sikap yang baik.

- ☐ A yakin diri
- ☐ B gaya hidup
- ☐ C suri teladan
- ☐ D pencetus idea

17. Mesyuarat ahli jawatankuasa kampung diadakan di _____ kampung itu.

- ☐ A balai raya
- ☐ B balai polis
- ☐ C bilik darjah
- ☐ D pusat sukan

18. Saintis itu sedang membuat persiapan untuk sesi _____ bersama-sama dengan sebuah stesen televisyen terkenal.

- ☐ A janji temu
- ☐ B ulang kaji
- ☐ C temu duga
- ☐ D temu ramah

19. Kesusakan _____ dapat diatasi jika orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

- ☐ A jalan raya
- ☐ B jalan buntu
- ☐ C tanah merah
- ☐ D lintasan belang

20. Datuk sedang berehat di atas _____ sambil menonton persembahan alat muzik tradisional pratuokng di televisyen.

- ☐ A ruang tamu
- ☐ B meja makan
- ☐ C kerusi malas
- ☐ D rumah tangga